

3 Bulan di Tanah Suci

Makkah al-Mukaramah

(2)

Tulisan ini, yang akan disajikan dengan berturut-turut dalam majalah Qalam, menggambarkan pemandangan

saya selama tiga bulan di Tanah Suci Makkah al-Mukarramah, meliputi Jeddah dan Madinah al-Munawwarah.

Beberapa perkara tentang keadaan kapal ((Kuala Lumpur)) dan peristiwa-peristiwa yang berlaku di dalamnya sepanjang-panjang

pelayaran – pergi dan balik itu, tidak juga ketinggalan.

(Oleh: Abdullah Basmeh)

Soal Syeikh Haji

Perkara yang utama bagi seseorang bakal haji ialah memilih syeikh haji yang berkedudukan¹ di Makkah, yang akan memandu dan menguruskan tempat tinggal dan segala perjalanan kita dalam masa menunaikan haji. Cara memilih syeikh yang mudah sekali ialah dengan jalan bertanya kepada sahabat handai kita yang baharu balik dari Tanah Suci, kerana mereka telah berpengalaman dan telah melihat keadaan yang sebenarnya.

Mana-mana syeikh haji di Makkah yang baik layanannya, sudah tentu akan dipuji dan disebut dengan sebutan yang baik. Demikian pula sebaliknya.

Meskipun saya anak Makkah dan ada saudara-mara saya di sana, tetapi oleh kerana telah menjadi rakyat Singapura maka saya dimestikan memakai syeikh haji

seperti lain-lain jemaah haji. Saya pun bertanya dan menyiasat lalu memilih Syeikh Ismail Shabanah, kerana banyak sahabat saya yang telah bersyeikh kepada beliau, memujinya.

Pilihan saya itu memang pada tempatnya, kerana selama saya berada di Tanah Suci, saya dapati layanannya sangat memuaskan. Beliau terkenal seorang syeikh haji yang cergas dan banyak sekali jemaah hajinya pada tiap-tiap musim. Pada musim yang lalu, saya lihat rumahnya sendiri yang terletak berhampiran dengan Masjid al-Harām, di Jiyad, penuh dengan jemaah-jemaah haji, dari tingkat rumahnya yang pertama membawa kepada tingkat yang kelima. Oleh kerana tidak muat, beliau telah menyewa sebuah rumah lagi berhampiran dengannya.

Syeikh Ismail Shabanah ialah anak Melaka dan

¹ Perkataan sebenar ialah berkedudukan.



Kapal ((Kuala Lumpur)) sedang belayar di Selat Melaka dalam pelayaran ke Tanah Suci.

berumah tangga di Melaka. Jawatan syeikh haji ini diwarisi dari ayahnya, Allahyarham Syeikh Usman Shabanah yang terkenal.

Bertolak dari Singapura

Dalam suasana yang mengharukan, bertambah pula dengan suara azan yang menjadikan kita terpegun mendengarnya, bertolaklah kapal ((Kuala Lumpur)) yang saya tumpangi meninggalkan Singapura.

Di antara beribu-ribu orang yang sedang membanjiri Pelabuhan Tanjung Pagar, kelihatan isteri dan anak-anak saya yang seramai 13 orang sedang melambai-lambai sambil menangis. Kelihatan juga adik-beradik saya dan anak-anak buah serta sahabat handai saya yang turut menghantar dan memberi selamat belayar.

Suasana pada hari itu sungguh mengharukan. Sambil saya melambai-lambai kepada mereka, air mata saya menitis. Kapal makin bertambah laju, Pelabuhan Tanjung Pagar kelihatan berbalam-balam, lalu hilang dari pemandangan.

Hari yang berperistiwa bagi saya dan bagi kira-kira 750 orang jemaah haji yang meninggalkan Singapura

tu ialah hari Khamis, 25 Sha'abān 1381,

bersamaan dengan 1 hari bulan Februari 1962.

Suasana perpisahan yang menyayukan itu berlaku pada pukul 3 petang.

Itulah kapal haji yang pertama, yang telah meninggalkan Tanah Melayu pada musim haji yang lalu.

Pemandangan di Selat Melaka indah sekali. Terutama pada malam hari ketika kapal kami bertentang dengan negara Hang Tuah – Melaka yang bersejarah. Lampu-lampu elektrik yang kelihatan terang-benderang di daerah Tanah Merah – Sungai Udang: amat menarik. Khabarnya daerah yang tersebut yang seluas 14 batu dipenuhi oleh orang-orang putih beribu-ribu banyaknya – dan layak disebut sebuah ((England kecil)) di pesisir Melaka. Salin tak tumpah seperti letaknya ((daerah Goa)) (tanah jajahan Portugis dahulu) di pesisir India.

Pada keesokan harinya, setelah belayar sepanjang 206 batu, akhirnya kapal ((Kuala Lumpur)) sampai dengan selamatnya di Kuala Klang, di pelabuhan ((Port Swettenham))

– Bersambung.